

Mendaki, IPS kupas keupayaan belia Melayu



KUPAS ISU BELIA: Panel Dialog Dasar Mendaki-IPS yang diadakan semalam di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew terdiri daripada Encik Zaqy (dua dari kiri), Dr Shamsuri (paling kanan), Cik Nadia (tiada dalam gambar) serta Encik Faisal selaku moderator. Cik Rahayu turut hadir bagi sesi dialog itu. – Foto BH oleh GIN TAY

► **NUR HUMAIRA SAJAT**
nhumaira@sph.com.sg

BELIA Melayu/Islam Singapura telah mencapai banyak kemajuan dalam bidang akademik, namun lebih banyak boleh dilakukan.

Di samping pencapaian akademik, pembangunan holistik seperti meningkatkan keyakinan belia, melengkapi mereka dengan kemahiran berguna bagi ekonomi masa depan, serta menyumbang kembali kepada masyarakat juga penting.

Demikian antara topik yang dikupas dan diketengahkan sewaktu Dialog Dasar Mendaki-Institut Pengajian Dasar (IPS) yang diadakan buat julung kalinya di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP), Universiti Nasional Singapura (NUS), semalam.

Bertemakan *Maju sebagai satu Masyarakat: Mendidik Belia Melayu/Islam bagi Masa Depan*, dialog itu bertujuan menggalak penglibatan belia Melayu/Islam dalam perbincangan nasional dan menerokai cara membuah hasil menerusi idea belia, menurut kenyataan yang dikeluarkan Yayasan Mendaki semalam.

Bercakap sebagai antara panel sesi dialog itu, Menteri Negara (Tenaga Manusia merangkap Pembangunan Negara), Encik Zaqy Mohamad, berkata badan Melayu/Islam seperti Mendaki memainkan peranan dalam membantu membangunkan belia Melayu/Islam secara holistik.

Program pendekatan juga perlu mula lebih awal dalam kehidupan.

“Baru-baru ini terdapat lebih usaha dalam pendidikan prasekolah seperti KelasMateMatika@CC. Kami telah lihat peningkatan di mana kanak-kanak yang hadir bagi program kami meraih lebih manfaat... dan ibu bapa juga terlibat dalam perkembangan pada peringkat prasekolah,” ujarnya kepada lebih 40 hadirin terdiri daripada ahli akademik, pemimpin masyarakat dan belia.

Panelis lain termasuk zamil penyelidikan di IPS LKYSPP, NUS, Dr Mohamad Shamsuri Juhari, dan anggota majlis Majlis Belia Kebangsaan (NYC), Cik Nadia Samdin, dan pengurus kanan Penyelidikan dan Perancangan Mendaki, Encik Faisal Aman selaku moderator.

Dalam sesi itu, Dr Shamsuri telah mengongsi perangkaan bahawa 20 peratus daripada masyarakat Melayu merupakan mereka di bawah usia 15 tahun.

“Kita adalah kumpulan lebih muda. Ini bermakna pada masa depan, lebih ramai yang akan memasuki pasaran buruh,” ujarnya.

Oleh itu potensi belia daripada masyarakat ini perlu dibangunkan kerana mereka bakal menyumbang kepada produktiviti, ekonomi dan kejayaan negara pada masa akan datang, kata beliau.

Ketika ditemui selepas dialog tersebut, Encik Zaqy berkata pihaknya telah melihat banyak pembangunan dan perkembangan dalam belia hari ini.

“Dari segi akademik, lebih ramai, hampir kesemua belia kita mendapat ijazah posmenengah. Dari segi program perkembangan, amat penting juga bagi kita untuk membawa program holistik kepada belia-belia kita seperti bimbingan dan program siap masa depan untuk memberi bayangan mengenai kerjaya akan datang,” katanya.

Beliau berharap masyarakat Melayu/Islam terus mempertingkatkan keupayaan, pendidikan dan kemahiran mereka bukan sahaja di sekolah tetapi setelah mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Dialog itu, menurut Encik Zaqy, mempunyai potensi untuk diperluaskan lagi pada masa depan kepada lebih ramai golongan belia.

Ketua Pegawai Eksekutif Mendaki, Cik Rahayu Buang, dalam ucapannya berkata kerjasama dengan institut pengajian tinggi dan kumpulan pemikir seperti IPS diharapkan dapat memudahkan perbualan mendalam mengenai isu masyarakat Melayu/Islam menggunakan kajian berdasarkan bukti dan kerapian akademik.

“Kami berharap perbincangan sebegitu akan mengetengahkan jurang genting dan melengkapi perbincangan merangsang fikiran mengenai isu dasar nasional,” katanya.

Beliau menambah, memperkasa belia merupakan “komponen penting dalam perjalanan menuju ke arah masyarakat gemilang.”